



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index
(Jan 2010=100)

OGOS 2018
August 2018




**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI**

TAJUK UTAMA: INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) MENINGKAT 0.3 PERATUS TAHUN-KE-TAHUN PADA BULAN OGOS 2018

1. Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Ogos 2018 meningkat 0.3 peratus tahun-ke-tahun berbanding dengan bulan Ogos 2017. Harga Makanan dan Minuman Ringan mencatatkan peningkatan 2.2 peratus tahun ke tahun. Manakala, harga Bukan Makanan mencatatkan penurunan 0.2 peratus tahun-ke-tahun.
2. Pendorong utama peningkatan IHP adalah kenaikan harga dan kos bagi Makanan dan Minuman Ringan (2.2 peratus); Pendidikan (1.7 peratus); dan Rekreasi dan Kebudayaan (1.4 peratus). Walau bagaimanapun, peningkatan IHP ini diimbangi oleh penurunan harga dan kos Pakaian dan Kasut (4.7 peratus); Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah (0.8 peratus); serta Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain (0.6 peratus).
3. Harga Makanan dan Minuman Ringan meningkat terutamanya berikutan peningkatan harga ikan dan makanan laut, minuman ringan dan daging. Manakala, peningkatan kos Pendidikan adalah mengambil kira peningkatan kadar yuran sekolah rendah dan menengah swasta yang terpilih. Harga Rekreasi dan Kebudayaan pula meningkat disebabkan oleh peningkatan harga pakej percutian/haji dan umrah.
4. Bagi perubahan bulan-ke-bulan, IHP meningkat 0.1 peratus berbanding dengan bulan Julai 2018. Indeks Makanan dan Minuman Ringan meningkat 0.6 peratus; manakala Indeks Bukan Makanan meningkat 0.04 peratus.
5. IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Ogos 2018 boleh didapati melalui laman sesawang JPKE: www.jpke.gov.bn.

INDEKS HARGA PENGGUNA (2010 = 100)

Divisyen	Kewajaran (%)	Indeks	Perubahan (%)	
		Ogos 2018	Ogos 2018 / Ogos 2017	Ogos 2018 / Julai 2018
INDEKS KESELURUHAN	100.0	99.5	0.3	0.1
Makanan dan Minuman Ringan	19.1	101.9	2.2	0.6
Pakaian dan Kasut	4.2	90.1	-4.7	-0.9
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	11.1	96.2	-0.6	-
Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah	11.0	94.5	-0.8	-0.1
Kesihatan	1.3	101.2	2.2	-
Pengangkutan	18.8	97.9	-0.1	0.3
Perhubungan	6.0	100.1	-0.4	-0.1
Rekreasi dan Kebudayaan	9.1	101.2	1.4	0.3
Pendidikan	3.9	110.8	1.7	-
Restoran dan Hotel	8.9	103.3	0.4	0.2
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	6.5	101.3	-0.8	-0.4





MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT

**HEADLINE: CONSUMER PRICE INDEX (CPI) INCREASED BY 0.3 PER CENT YEAR-ON-YEAR
IN AUGUST 2018**

1. *The Consumer Price Index (CPI) in August 2018 increased by 0.3 per cent year-on-year compared to August 2017. Prices of Food and Non-Alcoholic Beverages increased by 2.2 per cent year-on-year, while Non-Food prices decreased by 0.2 per cent year-on-year.*
2. *The main drivers for the CPI increase were rises in prices and costs of Food and Non-Alcoholic Beverages (2.2 per cent); Education (1.7 per cent); and Recreation and Culture (1.4 per cent). However, this CPI increase was moderated by decreases in prices and costs of Clothing and Footwear (4.7 per cent); Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance (0.8 per cent); as well as Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels (0.6 per cent).*
3. *Prices of Food and Non-Alcoholic Beverages increased mainly due to the rise in prices of fish and seafood, soft drinks and meat. Meanwhile, the increase in the cost of Education is attributed to the increase in school fees of primary and secondary education in selected private schools. Recreation and Culture prices rose due to higher prices of package holidays/pilgrimages.*
4. *On a month-on-month basis, the CPI increased by 0.1 per cent compared to July 2018. The Food and Non-Alcoholic Beverages Index increased by 0.6 per cent while the Non-Food Index increased by 0.04 per cent.*
5. *The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for August 2018 is available from DEPD's website: www.depd.gov.bn.*

CONSUMER PRICE INDEX (2010 = 100)

Divisions	Weights (%)	Index	Change (%)	
		August 2018	August 2018 / August 2017	August 2018 / July 2018
OVERALL INDEX	100.0	99.5	0.3	0.1
Food and Non-Alcoholic Beverages	19.1	101.9	2.2	0.6
Clothing and Footwear	4.2	90.1	-4.7	-0.9
Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels	11.1	96.2	-0.6	-
Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance	11.0	94.5	-0.8	-0.1
Health	1.3	101.2	2.2	-
Transport	18.8	97.9	-0.1	0.3
Communication	6.0	100.1	-0.4	-0.1
Recreation and Culture	9.1	101.2	1.4	0.3
Education	3.9	110.8	1.7	-
Restaurants and Hotels	8.9	103.3	0.4	0.2
Miscellaneous Goods and Services	6.5	101.3	-0.8	-0.4

